



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN  
YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' DR. LOGA BALA MOHAN, TIMBALAN  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN KEMPEN JOM BAYAR SAMAN  
SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**DEWAN SERI MELATI,  
PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, PUTRAJAYA.  
4 FEBRUARI 2016 (KHAMIS), 11.00 PAGI**

---

**Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis.**

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI. MOHD AMIN NORDIN BIN  
ABD. AZIZ**

**Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI HASIM ISMAIL  
Presiden, Perbadanan Putrajaya**

**YANG BERBAHAGIA DATO' PADUKA IZUDIN BIN ISHAK  
Pengarah Eksekutif, Yayasan Kesejahteraan Bandar**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI ISMAIL BIN AHMAD  
Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HJH NOR' AINI BINTI ABDUL WAHAB  
Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan,**

**ACP ROSLY HASSAN**

**Ketua Polis Putrajaya, Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya**

**YANG BERBAHAGIA DATO' MUSTAPHA BIN AHMAD MARICAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kesejahteraan Bandar

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI MAHADI BIN CHE NGAH**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

**YANG BERBAHAGIA DATUK ROSLAN BIN HASSAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Wilayah Persekutuan

**Pegawai-Pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL & PPj,**  
**Rakan-Rakan Media,**

**Seterusnya para hadirin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

**Salam Sehati sejiwa, Salam Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera.**

1. Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur kerana dikurniakan kesihatan yang baik sehingga membolehkan kita berkumpul pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian '**KEMPEN JOM BAYAR SAMAN**', sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB) di atas inisiatif penganjuran '**KEMPEN JOM BAYAR SAMAN**' ini. Tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat khususnya Agensi Penguatkuasaan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) yang bersama-sama turun padang bagi membuka kaunter semakan dan bayaran saman.

3. Saya difahamkan '**KEMPEN JOM BAYAR SAMAN**' ini berlangsung selama 3 hari iaitu sejak semalam dan akan berakhir esok.
4. Program ini diadakan adalah bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 yang mana tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah '**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**'. Pemilihan tema ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada semua warga Wilayah Persekutuan.
5. Selain itu, kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dalam segala aspek turut menjadi keutamaan untuk memastikan semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan terus teguh di kalangan warga Wilayah Persekutuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Pelbagai kempen kesedaran telah dijalankan dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada semua pengguna jalanraya tentang pentingnya untuk mematuhi peraturan jalanraya yang telah ditetapkan oleh Agensi Penguatkuasaan seperti PDRM, JPJ, DBKL dan PPj.

7. Namun, keberkesanannya masih lagi di tahap yang kurang memberangsangkan akibat dari sifat endah tak endah serta permasalahan-permasalahan lain oleh pengguna jalanraya.
8. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan seperti tempat letak kereta dan lampu isyarat yang diwujudkan bertujuan untuk melancarkan lalu lintas, mengurangkan masalah kesesakan jalan dan yang paling utama untuk meningkatkan tahap keselamatan pengguna sewaktu berada di jalanraya. Mengambil contoh kawasan seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan merupakan pusat bandar, adalah amat sukar untuk mengelak dari kesesakan jalanraya dan permasalahan-permasalahan trafik yang lain.
9. Sehubungan itu, pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas seperti contoh, menyediakan ruang meletak kenderaan berbayar serta menaiktaraf jalanraya dan lampu isyarat untuk mengurangkan kesesakan jalan yang sering berlaku di kedua-dua wilayah ini.
10. Namun, atas faktor kekangan masa dan ruang meletak kenderaan berbayar yang selalu tidak mencukupi, maka kebanyakan penduduk mengambil jalan mudah dengan meletak kenderaan di bahu-bahu jalan dan kawasan yang tidak bersesuaian serta melanggar lampu isyarat. Ini merupakan sebab

utama yang akan mengganggu aliran trafik serta menyusahkan dan membahayakan pengguna jalanraya yang lain.

11. Ekoran itu, Agensi Penguatkuasaan iaitu PDRM, JPJ, DBKL dan PPj terpaksa mengenakan kompaun atau saman kepada mereka yang melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Kesan daripada pelaksanaan undang-undang tersebut sedikit sebanyak dapat menyedarkan golongan ini supaya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
  
12. Oleh kerana itu, atas dasar kepekaan dan keprihatinan terhadap penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016, kita ingin membantu semua penduduk yang tinggal di dalam Wilayah Persekutuan yang mempunyai tunggakan kompaun atau saman untuk datang membayar saman, yang mana saya difahamkan pihak DBKL dan Perbadanan Putrajaya memberi diskaun saman jika tuan-tuan dan puan-puan membayar saman dari tempoh 3-5hb Feb 2016 di kaunter bayaran saman DBKL dan Perbadanan Putrajaya di Foyer Perbadanan Putrajaya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

13. Diharap dengan adanya kempen jom bayar saman ini, sedikit sebanyak dapat membantu warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya datang membayar saman dengan mudah dan pantas. Saya difahamkan terdapat 4 kaunter semakan dan bayaran saman yang mana 3 kaunter iaitu kaunter DBKL, PPj dan PDRM terletak di ruang legar PPj dan satu lagi ialah kaunter bergerak JPJ di luar sana.

14. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada DBKL dan PPj di atas diskaun saman yang diberikan, juga tidak lupa kepada PDRM dan JPJ di atas kesudian membuka kaunter bayaran dan semakan saman di sini. Program seumpama ini sedikit sebanyak dapat mengubah persepsi segelintir penduduk dan membuka mata mereka bahawasanya Kerajaan Malaysia sangat prihatin terhadap permasalahan-permasalahan yang sedang dialami oleh warga kota. Ianya juga secara tidak langsung akan dapat menjadikan Wilayah Persekutuan maju dan sejahtera.
15. Melalui penganjuran program ini juga akan dapat mewujudkan hubungan baik di antara komuniti dengan PDRM, JPJ, YKB, KWP, DBKL dan PPj dengan para pengunjung yang hadir ke program ini.
16. Untuk makluman semua, **KEMPEN JOM BAYAR SAMAN** adalah salah satu dari inisiatif pihak kerajaan dan NGO's dalam bersama-sama memudahkan warga Wilayah Persekutuan untuk urusan pembayaran saman dengan PDRM, JPJ, DBKL dan PPj.
17. Selain **KEMPEN JOM BAYAR SAMAN**, KWP dan Agensi-Agensi di bawahnya turut menganjurkan beberapa program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 yang memberikan impak yang tinggi serta melibatkan rakyat secara terus. Antara program tahun sebelum ini yang diteruskan dan program baru yang dirancang adalah seperti berikut :

**Program Yang Diteruskan:**

- a. Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016;
- b. Majlis Rumah Terbuka *Chinese New Year* Peringkat Wilayah Persekutuan;
- c. Kenduri 1Wilayah Persekutuan Di Semua 13 Parlimen Seluruh Wilayah Persekutuan;
- d. Program Ilmiah Bersama Datuk Ustaz Kazim Elias; dan
- e. Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan

**Program Baru:**

- f. *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan;
- g. Majlis Khatam Al-Quran Wilayah Persekutuan; dan
- h. Pertandingan Melukis & Mewarna Wilayah Persekutuan
- i. Program Keluarga Angkat YKB & NGO
- j. Festival Makanan Warisan 1Malaysia

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

18. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB) yang telah menganjurkan program ini dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) atas usaha positif dan komitmen yang tinggi. Juga tidak lupa kepada pihak Perbadanan

Labuan yang menghantar wakil untuk membuka pameran di ruang legar.

19. Saya berharap usaha murni ini berterusan sampai bila-bila. Kerjasama dan kolaborasi semua pihak amat diperlukan dalam menjayakan program ini agar tercapai objektif yang disasarkan iaitu untuk memberi keceriaan dan kesejahteraan kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya di KL dan Putrajaya. Selain itu, program ini diharap akan dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk Wilayah Persekutuan terhadap inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan dalam usaha untuk membantu serta meringankan beban yang dihadapi oleh rakyat. Semoga dengan pelaksanaan program ini sedikit sebanyak dapat memberi kesan dan impak yang positif kepada semua pihak yang terlibat.
20. **Akhir kata, dengan sukacitanya saya merasmikan Kempen Jom Bayar Saman sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.**
21. Sekian, Salam Sehati sejiwa, Salam **Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera.**
22. Terima kasih.